

•••••••••••••••|

• I H I

нннна
: ^HHI HHHHHHHHHHHH «Hj
^1?^, Hi HHi HHHHHHHHHHP
VHBB»Har
g H R n

ESSE

PHMff

M H B H •0-^-:::A"
4 H 1

HH

Institut Teknologi Mara
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Jabatan Senibina

Adalah disyorkan bahawa tesis rekacipta ini
yang disediakan oleh :

NORRIZA MOHD. SHAM

Mengenai Projek:

CADANGAN BANGUNAN HOTEL KELAS SATU;
DI PUSAT, PERANGINAN DESARU,
JOHOR BAHRU, JOHOR

DIBAWAH PENYELIAAN KAMI, DITERIMA SEBAGAI
MEMENUHI. SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA

DILULU\$K|uN OLEH i

(Penyelia Utaraa)

19HB. Ogos 1988.

Tarikh

(Pensyarah Penasihat)

Tarikh

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah dengan terlaksana kajian tesls ini kerana dengan keizinannya jua maka segala masalah yang berkaitan telah dapat diatasi dengan tabah.

Dengan izinnya jua raaka di sinx saya ingin merakamkan berbanyak-banyak ucapan ribuan terima kasih ' kepada orang-orang yang telah berjasa dan memberi pertolongan di kala ianya diperlukan

"Pulau Pandan Jauh ke Tengah,
Gunung daik bercabang Tiga
Hancur Badan dikandung Tanah,
Budi yang baik dikenang jua"

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas segala bantuan, tunjuk ajar, panduan serta kerjasama yang telah saya perolehi dari mereka yang telah bermurah hati memberi kerjasama terutama sekali kepada :-

- (i) Encik Abdul Razak bin Khalidon
(Penyelaras Studio)
- (ii) Encik Abdul Ghani bin Mohd Desa
(Penasihat)
- (iii) Encik Baharom bin Ujang (Penasihat)
- (iv) Encik Yazid bin Jaafar (Penasihat)
- (v) Encik Hamzah (koordinator kemudahan bangunan)
- (vi) Encik Kamaruddin bin Ali (Penasihat Kemudahan bangunan)

- (vii) Pensyarat-pensyarah kajian Senibina Perancangan dan Ukur ITM, Shah Alam •
- (viii) Kakitangan Unit Pembangunan ITM, Shah Alam.
- (ix) Rakan-rakan seperjuangan kelas Diploma Lanjutan Senibina Tahun 04/88
- (x) Dan semua keluarga dan rakan-rakan yang telah turut membantu dikala memerlukan ...

Hanya Tuahn sahaja yang dapat membalas segala budi baik saudara dan saudari sekelian

"Pisahg Emas di bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi di'bawa mati"

Dan semuga saya berjaya memperolehi segala apa yang dihajatkan AMIN.

PENGENALAN

Tidak boleh dinafikan lagi bahawa negara kita telah mula membangun dan dikenali di mata dunia melalui perusahaan industri pelancungan.

Semenjak beberapa tahun ini, industri pelancungan telah berkembang menjadi satu sumber pendapatan tukaran wang asing yang penting dan punca pertumbuhan ekonomi serta sumber penyediaan peluang-peluang pekerjaan bagi negara .industri.

Pelancungan telah diberi penekanan baru oleh. kerajaan apabila industri itu ditakrifkan sebagai industri berprioriti nasional, memandangkan potensi memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah kewangan dalam imbalan pembayaran negara iaitu sebagai penyumbang utama dalam perolehan pertukaran wang asing negara. Dengan kejatuhan harga komoditi dan kemerosotan dalam perdagangan, pelancungan telah dilihat sebagai sektor yang berpotensi dalam ekonomi negara .

Adalah sangat perlu untuk menyelaraskan pembangunan pelancungan di Negeri Johor pada keseluruhannya bagi mengujudkan satu bentuk pembangunan perindustrian pelancungan yang lebih teratur .dan terkawal melalui dasar dan strategi pengalakkan pelancungan yang lebih baik dan berkesan.